

ANALISIS BIBLIOMETRIK TERHADAP PERKEMBANGAN KAJIAN BAHASA MELAYU: TINJAUAN MELALUI VOSVIEWER

*BIBLIOMETRIC ANALYSIS ON THE DEVELOPMENT OF MALAY LANGUAGE STUDIES:
A REVIEW USING VOSVIEWER*

Muhammad Hafis MOHD HUSSAIN^{*1}

Norhapizah MOHD BURHAN²

Ramlan MUSTAPHA³

Asjad MOHAMED⁴

Surita Hartini MAT HASSAN⁵

Mohd Khairi ISMAIL⁶

Arwansyah KIRIN⁷

^{1,3,5} *Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 27600 Raub, Pahang, Malaysia*

^{2,4} *Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 27400 Jengka, Pahang, Malaysia*

⁶ *Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia*

⁷ *Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia*

^{*1} *hafishussain@uitm.edu.my*

² *izahuiaum@uitm.edu.my*

³ *ramlan@uitm.edu.my*

⁴ *asjad@uitm.edu.my*

⁵ *suritahartini@uitm.edu.my*

⁶ *khairiismail@uitm.edu.my*

⁷ *arwansyah@uthm.edu.my*

Corresponding author*

Received: 26th March 2025

Accepted: 15th October 2025

ABSTRAK

Kajian terhadap bahasa Melayu telah berkembang pesat seiring dengan perubahan landskap akademik global, namun kajian yang menyentuh secara menyeluruh masih belum mencukupi terutamanya dalam menilai pola penyelidikan, tema utama dan kolaborasi akademik berkaitan bidang ini. Kekurangan tinjauan kuantitatif terhadap penerbitan bahasa Melayu menimbulkan persoalan tentang arah perkembangan dan potensi penyelidikan masa hadapan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menganalisis perkembangan penyelidikan bahasa Melayu melalui pendekatan bibliometrik dengan tumpuan kepada trend penerbitan, penyelidik serta institusi utama, tema kajian dominan dan pola kolaborasi. Data

dikumpulkan daripada pangkalan Scopus menggunakan kata kunci “Bahasa Melayu”, “*Malay Linguistics*”, dan “*Malay Language*” tanpa had tahun permulaan bagi memastikan liputan menyeluruh, manakala tahun akhir ditetapkan pada 2024. Analisis dilakukan menggunakan perisian VOSviewer, melibatkan analisis temporal, sitasi dan jaringan kolaborasi bagi memetakan hubungan antara kata kunci, tema penyelidikan, institusi dan negara. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam penerbitan selepas tahun 2000 dengan kemuncak pada dekad 2010–2019. Kueh Y.C. dan Kuan G. dikenal pasti sebagai penyelidik paling produktif, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan institusi paling aktif. Tema penyelidikan utama tertumpu pada bidang sains sosial, seni dan kemanusiaan, serta sains komputer. Dari segi kolaborasi, Malaysia muncul sebagai pusat utama jaringan global. Kajian ini bukan sahaja memberikan gambaran holistik tentang landskap penyelidikan bahasa Melayu, tetapi juga mengenal pasti jurang yang wujud dalam penyelidikan terdahulu. Implikasinya, hasil ini boleh dijadikan asas bagi membangunkan strategi kolaborasi serantau dan menggalakkan kajian lanjutan yang meneliti dimensi baharu seperti digitalisasi, teknologi bahasa dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing.

Kata kunci: bibliometrik, VOSviewer, bahasa Melayu, trend penerbitan, pola kolaborasi, tema kajian

Abstract

Research on the Malay language have developed rapidly in tandem with the changing global academic landscape. However, comprehensive studies remain limited, particularly in evaluating research patterns, major themes, and academic collaborations related to this field. The lack of quantitative reviews of Malay language publications raises questions regarding the direction of its development and future research potential. Therefore, this study was conducted to analyze the progress of Malay-language research through a bibliometric approach, focusing on publication trends, leading researchers and institutions, dominant research themes, and collaboration. Data were collected from the Scopus database using the keywords “*Bahasa Melayu*,” “*Malay Linguistics*,” and “*Malay Language*” without starting year restriction to ensure comprehensive coverage, while the final year was set at 2024. Analysis was conducted using VOSviewer software, involving temporal, citation, and collaboration network analyses to map relationships between keywords, research themes, institutions, and countries. The findings indicate a significant increase in publications after the year 2000, peaking during the decade 2010–2019. Kueh Y.C. and Kuan G. were identified as the most productive researchers, while the National University of Malaysia (UKM) emerged as the most active institution. The dominant research themes were concentrated in the fields of social sciences, arts and humanities, and computer science. In terms of collaboration, Malaysia appeared as the central hub of the global network. This study not only provides a holistic overview of the Malay language research landscape but also identifies existing gaps in previous studies. Its implications serve a foundation for developing regional collaboration strategies and encouraging future research into emerging dimensions such as digitalization, language technology, and Malay language learning for non-native speakers.

Keywords: bibliometric; VOSviewer; Malay Language; publication trends; collaboration patterns; research themes

Pengenalan

Pendekatan kajian bibliometrik diperkenalkan oleh Alan Pritchard pada tahun 1969, yang mendefinisikan bibliometrik sebagai “Penggunaan kaedah matematik dan statistik untuk mengkaji buku, artikel dan komunikasi lain” (Pritchard, 1969). Sejak dari itu, kaedah bibliometrik telah digunakan secara meluas dalam bidang sains, kemanusiaan dan sains sosial untuk mengenal pasti arah aliran penyelidikan serta impak penerbitan (Mohd Hussain et al., 2024). Pendekatan ini dianggap penting pada masa kini dan digunakan untuk memahami perkembangan sesuatu disiplin ilmu secara sistematik dan objektif termasuk dalam bidang linguistik dan kajian bahasa.

Kajian bibliometrik adalah satu pendekatan yang semakin popular dalam bidang penyelidikan untuk memahami trend, iaitu arah aliran dan pola perkembangan ilmu pengetahuan menggunakan data kuantitatif dari pangkalan data akademik untuk menilai hasil penyelidikan seperti artikel jurnal, prosiding atau bab buku. Dalam konteks kajian bahasa Melayu, bibliometrik akan memberikan gambaran menyeluruh mengenai penyelidikan yang dilakukan, termasuk gambaran menyeluruh adalah tema utama, jaringan kolaborasi antara penyelidik, institusi dan pola penerbitan. Pendekatan ini membolehkan pemetaan perkembangan akademik secara kuantitatif serta mengenal pasti jurang penyelidikan yang masih belum diterokai. Hal ini menjadikan kajian bibliometrik sebagai alat penting untuk menilai impak dan arah perkembangan penyelidikan sesuatu bidang secara sistematik.

Penggunaan alat analisis seperti VOSviewer dalam kajian bibliometrik menawarkan kelebihan dalam menggambarkan data besar secara visual. Alat perisian ini membantu penyelidik untuk mengenal pasti pola-pola kolaborasi, hubungan antara tema kajian dan evolusi penyelidikan dari masa ke masa (Mohd Hussain et al., 2024). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa perisian ini amat berkesan dalam mengesan hubungan kompleks antara tema dan penyelidik. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Yaqin et al., (2024) berjaya mengenal pasti pola penyelidikan dalam linguistik Melayu selama dua dekad terakhir, termasuk tema seperti variasi dialek, struktur bahasa dan identiti budaya (Yaqin et al., 2024). Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa pendekatan bibliometrik adalah kritikal bagi menyusun semula landskap penyelidikan yang pelbagai dan rumit terutama dalam bidang seperti kajian bahasa.

Kajian bibliometrik juga relevan dalam konteks cabaran globalisasi dan era digital. Pemeliharaan bahasa Melayu memerlukan penyelidikan yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan budaya. Kajian oleh Janan et al. (2024) mencadangkan bahawa perlu adanya tumpuan yang lebih terhadap keperluan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing, tumpuan terhadap pengaruh bahasa asing serta tumpuan terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa yang kini semakin berkembang (Janan et al., 2024). Dalam situasi ini, bibliometrik dapat membantu mengenal pasti trend penyelidikan dalam topik-topik tersebut dan menyumbang kepada usaha pembangunan bahasa Melayu di peringkat global.

VOSviewer merupakan salah satu perisian analisis bibliometrik yang dibangunkan oleh Nees Jan van Eck dan Ludo Waltman di Leiden University, Belanda. Perisian ini direka khas untuk membina dan memvisualisasikan peta bibliometrik berdasarkan data sitasi, kata kunci atau pengarang daripada pangkalan data besar seperti Scopus dan Web of Science (van Eck & Waltman, 2010). Melalui pendekatan pemetaan visual, VOSviewer membantu penyelidik mengenal pasti hubungan antara dokumen, institusi, bidang kajian atau penulis secara sistematik dan mudah difahami. Ia berfungsi dengan menukar data bibliometrik kepada peta jaringan (*network maps*) yang menunjukkan kekuatan hubungan (*link strength*) antara elemen-elemen tersebut, sekali gus membolehkan analisis mendalam terhadap struktur dan corak penyelidikan dalam sesuatu bidang.

Keistimewaan utama VOSviewer ialah keupayaannya untuk memproses data dalam jumlah besar dengan muka visual yang mesra pengguna. Perisian ini mampu menghasilkan visualisasi berwarna yang menunjukkan kelompok (*clusters*) tema atau kolaborasi akademik secara intuitif, menjadikannya alat penting dalam mengenal pasti *trend* penyelidikan dan hubungan kolaboratif antara institusi atau negara (van Eck & Waltman, 2017). Selain itu, VOSviewer juga menyediakan beberapa fungsi lanjutan seperti analisis *co-authorship*, *co-citation* dan *co-occurrence of keywords*, yang membolehkan pengguna menelusuri pola penyelidikan secara lebih terperinci (Perianes-Rodriguez et al., 2016).

Namun begitu, penggunaan VOSviewer turut mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya ialah keterbatasan dalam pemrosesan data yang tidak distrukturkan dengan baik, seperti data yang mempunyai kesilapan ejaan atau metadata yang tidak lengkap (Cobo et al., 2011). Di samping itu, VOSviewer lebih sesuai digunakan untuk analisis kuantitatif berasaskan jaringan, tetapi kurang fleksibel untuk analisis kualitatif yang memerlukan tafsiran konteks yang mendalam terhadap kandungan artikel. Oleh itu, hasil analisis menggunakan VOSviewer perlu ditafsir bersama kefahaman kontekstual terhadap bidang kajian yang dikaji agar kesimpulan yang dibuat lebih sahih dan menyeluruh.

Di Malaysia, bahasa Melayu memainkan peranan strategik dalam membentuk identiti kebangsaan dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat. Penyelidikan terhadap kosa kata Melayu yang dipengaruhi oleh bahasa asing, antaranya bahasa Arab seperti mana yang telah dikaji oleh Johari et al., (2014) telah membuka wacana tentang asimilasi budaya dan keunikan linguistik Melayu (Johari et al., 2014). Namun begitu, kebanyakan kajian sebelum ini cenderung untuk menumpukan kepada aspek mikro seperti pengajaran bahasa atau kosa kata tertentu. Kekurangan analisis menyeluruh terhadap pola penyelidikan telah menyebabkan kesukaran dalam melihat gambaran besar perkembangan kajian bahasa Melayu. Seperti yang dinyatakan oleh Johari et al., (2014), terdapat keperluan bagi pendekatan holistik dalam memahami landskap penyelidikan bahasa Melayu secara lebih terperinci.

Selain itu, pendekatan bibliometrik dapat membantu menganalisis corak kerjasama antara institusi dan negara dalam kajian bahasa Melayu. Kolaborasi antarabangsa adalah elemen penting untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan penyebaran pengetahuan. Dengan menggunakan perisian seperti VOSviewer, hubungan antara penulis dan institusi boleh digambarkan secara visual, membolehkan penyelidik mengenal pasti peluang kerjasama baru dan bidang yang memerlukan perhatian lebih lanjut.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneroka perkembangan penyelidikan bahasa Melayu melalui pendekatan bibliometrik. Kajian ini dijalankan bersesuaian dengan perkembangan teknologi aplikasi zaman kini dengan menggunakan pangkalan data scopus dan alat perisian VOSviewer bagi menjawab persoalan-persoalan seperti berikut, iaitu:

Persoalan Penelitian

- i. Apakah *trend* global dalam penyelidikan mengenai bahasa Melayu berdasarkan tahun penerbitan?;
- ii. Siapakah penyelidik utama dan berapakah jumlah penerbitan yang menyumbang kepada kajian bahasa Melayu?;
- iii. Apakah tema utama yang paling dominan dalam kajian terhadap bahasa Melayu?;
- iv. Institusi manakah yang paling aktif dan banyak menyumbang dalam penghasilan penyelidikan mengenai bahasa Melayu?; dan
- v. Apakah pola kerjasama antara negara dalam penghasilan penyelidikan mengenai bahasa Melayu?.

Sorotan Literatur

Kajian bibliometrik telah menjadi pendekatan penting dalam memahami pola penerbitan, tema penyelidikan utama dan kolaborasi akademik dalam pelbagai bidang termasuk kajian tentang bahasa. Dalam konteks bahasa Melayu, kajian *Pola dan Potensi Penerbitan Berbahasa Melayu dalam Indeks Scopus* menunjukkan adanya peningkatan dalam penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam jurnal berindeks Scopus terutamanya dalam bidang sains sosial, sains dan teknologi. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) muncul sebagai penyumbang utama yang mencerminkan potensi bahasa Melayu di peringkat antarabangsa (Osman & Yusoff, 2020). Pada masa yang sama, kajian Yaqin et al. (2024) mendapati bahawa tema utama penyelidikan bahasa Melayu tertumpu pada variasi dialek, struktur linguistik dan identiti budaya dengan peningkatan pendekatan interdisiplinari sejak kebelakangan ini.

Selain itu, kajian dalam *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* turut memperkukuh kefahaman terhadap penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu dalam konteks semasa. Misalnya, kajian oleh Mukminin Mohamad, A. et al. (2023) bertajuk *Bahasa Kebangsaan dalam Situasi Komunikasi Harian: Kajian Tinjauan terhadap Pelajar Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia* menunjukkan bahawa walaupun bahasa Melayu kekal sebagai bahasa rasmi, penggunaannya semakin berkurang dalam komunikasi akademik dan profesional disebabkan pengaruh bahasa Inggeris. Penemuan ini menunjukkan cabaran terhadap pemerkasaan bahasa Melayu di peringkat nasional dan global. Dalam kajian lain, Jamain et al. (2023) meneliti penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaya, mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa sangat dipengaruhi oleh faktor jantina, latar belakang bahasa pertama dan tempoh pengajian. Dapatan ini menegaskan keperluan untuk memperkukuh pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua melalui kaedah pedagogi yang lebih kontekstual dan digital.

Kajian mengenai penerimaan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa seperti dalam *Pengajian Malaysia dan Penerimaan Bahasa Melayu di Peringkat Antarabangsa*, menekankan cabaran dominasi bahasa Inggeris dalam sistem penerbitan moden. Kajian ini menyeru penulis dan penerbit untuk mempromosikan karya berbahasa Melayu bagi memastikan pengiktirafan secara global lebih meluas (Graf, 2021). Hal ini turut didukung oleh kajian Lan & Logeswaran (2020) yang menekankan pentingnya kolaborasi antarabangsa dalam meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti penyelidikan di peringkat global. Dalam konteks bahasa Melayu, potensi kolaborasi antara Malaysia, Indonesia dan Singapura sangat signifikan untuk diperluaskan, khususnya dalam perspektif penyelidikan bahasa.

Kajian linguistik berbasis korpus juga telah mendapat perhatian penting. Artikel kajian oleh Hassan (2023) menunjukkan bahawa korpus menyediakan data autentik yang kaya untuk penyelidikan tatabahasa dan linguistik bahasa Melayu. Namun, strategi analisis yang berhati-hati diperlukan untuk memastikan dapatan empiris yang sahih. Dalam kajian pendidikan pula, Janan et al. (2024) dalam penulisannya menunjukkan bahawa pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing perlu diperluaskan khususnya dalam memanfaatkan teknologi seperti aplikasi mudah alih, laman sosial dan lain-lain. Hal ini secara tidak langsung dapat mempermudah pembelajaran dan memperluas akses kepada masyarakat global.

Dalam aspek sejarah dan evolusi bahasa, kajian *Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu Berdasarkan Skema Bercabang Bahasa Melayu Asmah (1993)* memberikan gambaran sistematik mengenai perkembangan bahasa Melayu dari zaman purba hingga moden (Abdul Wahab, 2024). Penemuan ini melengkapi dapatan Johari et al. (2014) yang menunjukkan asimilasi budaya seperti pengaruh bahasa Arab terhadap kosa kata Melayu yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti linguistik. Walau bagaimanapun, kajian ini sering dilakukan secara terasing tanpa mengaitkan isu-isu lain yang lebih luas dalam kajian bahasa Melayu.

Akhir sekali, artikel *Ke Arah Penilaian, Perkembangan dan Pemupukan Bahasa Melayu Supranasional* menyerlahkan keperluan struktur baharu untuk mempromosikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa yang mudah dan unik (Sew, 2013). Hal ini termasuk cadangan rombakan sistem pendidikan dan pendekatan pasaran global. Namun, Johari et al. (2014) mencatatkan jurang signifikan dalam kajian menyeluruh terhadap pola penerbitan dan *trend* penyelidikan bahasa Melayu yang menekankan perlunya analisis yang lebih holistik.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa walaupun banyak penyelidikan penting telah dijalankan dalam pelbagai dimensi bahasa Melayu termasuk linguistik, pendidikan dan dasar kebahasaan masih terdapat kekurangan dalam integrasi pendekatan analitis seperti bibliometrik dan visualisasi data. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan bibliometrik dengan bantuan VOSviewer untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang trend, tema dan kolaborasi penyelidikan bahasa Melayu secara sistematik dan berasaskan data.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan bibliometrik untuk menganalisis perkembangan kajian berkaitan bahasa Melayu melalui data yang diperolehi daripada pangkalan data Scopus. Pangkalan ini dipilih kerana ia merupakan sumber indeks rujukan terbesar yang membolehkan penilaian kuantitatif terhadap pola penerbitan, tema kajian utama dan kolaborasi antara penulis, institusi serta negara (Yaqin et al., 2024). Dokumen yang diperolehi daripada pangkalan data Scopus adalah dengan menggunakan kata kunci "Bahasa Melayu", "Malay Linguistics" dan "Malay Language." Data ini dianalisis melalui perisian VOSviewer yang terkenal dalam memetakan hubungan bibliometrik, termasuk hubungan antara kata kunci, penulis, institusi dan negara (Lan & Logeswaran, 2020).

Analisis dilakukan dalam beberapa peringkat, iaitu analisis temporal untuk mengenal pasti jumlah penerbitan mengikut tahun, analisis bidang kajian melalui kata kunci dan analisis rangkaian kolaborasi untuk memahami hubungan antara institusi dan negara. Visualisasi data dihasilkan menggunakan VOSviewer yang boleh memaparkan pola penerbitan, tema utama kajian dan kolaborasi peringkat antarabangsa. Pemeriksaan manual terhadap dokumen yang terpilih juga dilakukan untuk memastikan kesesuaian dan kebolehpercayaan data seperti yang dicadangkan oleh Handayani et al. (2018). Metodologi ini akan memberikan pandangan menyeluruh tentang pola penyelidikan dan kolaborasi akademik dalam kajian bahasa Melayu.

Strategi Pencarian Data

Scopus merupakan platform penyelidikan yang terkemuka yang boleh dijadikan sebagai medium pencarian, analisis dan perkongsian maklumat dalam pelbagai bidang seperti kemanusiaan, sains sosial, sains semula jadi dan lain-lain bidang. Pangkalan data Scopus dipilih kerana ia menyediakan indeks penerbitan terbaik dalam pelbagai bidang dan memberikan data yang sesuai untuk dianalisis melalui kaedah penyelidikan bibliometrik (Mohd Hussain et al., 2024). Scopus juga diakui sebagai sumber utama untuk menganalisis corak penerbitan akademik secara sistematik dan menyeluruh (Yaqin et al., 2024).

Bagi memperoleh data kajian, pencarian dilakukan dengan menggunakan kata kunci TITLE("Bahasa Melayu") OR TITLE("Malay Linguistics") OR TITLE("Malay Language"). Proses pencarian dilakukan melalui mod *advanced search* di laman sesawang pangkalan data Scopus. Had masa pada tahun permulaan tidak diletakkan supaya kajian ini dapat memperoleh data menyeluruh yang merangkumi penerbitan sejak rekod awal yang tersedia. Walau bagaimanapun, had masa terakhir ditetapkan pada tahun 2024 bagi memaksimumkan perolehan data sehingga tempoh terkini. Strategi

ini selaras dengan pendekatan yang digunakan dalam kajian bibliometrik lain untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang pola penyelidikan dalam bidang tertentu (Handayani et al., 2018).

Data yang diambil merangkumi pelbagai jenis dokumen seperti artikel jurnal, prosiding, bab buku, ulasan, erratum, buku dan data *paper* yang berkaitan dengan kajian bahasa Melayu. Data yang diperoleh ini kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah bibliometrik untuk mengenal pasti pola penerbitan, tema utama kajian dan kolaborasi antara penulis, institusi, serta negara seperti yang dicadangkan oleh Lan dan Logeswaran (2020).


Analisis Data dan Perbincangan

Analisis dalam kajian ini menggunakan perisian VOSviewer (versi 1.6.20) untuk menilai dataset yang diperoleh dari pangkalan data Scopus yang merangkumi penerbitan kajian berkaitan bahasa Melayu dari tahun yang telah dinyatakan dalam bahagian strategi pencarian data. Dataset ini termasuk nama pengarang, tajuk jurnal, kata kunci, jumlah sitasi dan tahun penerbitan. VOSviewer digunakan untuk memetakan hubungan antara elemen-elemen ini seperti pengarang, institusi dan tema penyelidikan dengan menggunakan teknik pengelompokan dan pemetaan (Mohd Hussain et al., 2024). Melalui analisis temporal dan pola penerbitan mengikut tahun akan memberikan gambaran perkembangan dalam penyelidikan bahasa Melayu secara menyeluruh.

Selain itu, analisis kata kunci dilakukan untuk mengenal pasti tema utama dalam kajian bahasa Melayu dengan kata kunci “Bahasa Melayu”, “Malay Linguistics” dan “Malay Language” sebagai fokus penyelidikan utama. Analisis sitasi dan ko-sitasi digunakan untuk mengenal pasti pengarang dan karya yang paling banyak dirujuk serta untuk memahami hubungan antara karya-karya penting dalam bidang ini. Analisis rangkaian kolaborasi antara pengarang dan institusi turut dijalankan bagi menghasilkan peta yang menunjukkan rangkaian kerjasama antara penyelidik dan institusi bersama dengan negara-negara lain. Hasil analisis ini akan memberi gambaran menyeluruh tentang perkembangan kajian bahasa Melayu serta mengenal pasti jurang penyelidikan dan peluang baru dalam bidang ini. Hasil penelitian yang diperoleh dalam kajian ini dirumuskan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan pada akhir bahagian pengenalan. Persoalan kajian pertama bersama dapatan yang telah diperoleh adalah seperti berikut, iaitu:

Trend Global dalam Penyelidikan Mengenai Bahasa Melayu Berdasarkan Tahun Penerbitan

Rajah 1: Trend Penerbitan Kajian Mengenai Bahasa Melayu Mengikut Tahun



Rajah 1 menunjukkan *trend* perkembangan penerbitan berkaitan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang yang dikaji sepanjang tempoh tahun daripada tahun 1864 hingga 2024. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah penerbitan bermula pada tahun 2000,

begitu juga pada tahun 2019 yang mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 41 penerbitan. Tahun 2020 dan 2024 juga menunjukkan jumlah penerbitan yang tinggi masing-masing dengan 29 dan 28 penerbitan yang mencerminkan peningkatan dalam bidang kajian ini pada tahun-tahun tersebut.

Sementara itu, penerbitan-penerbitan yang direkodkan sebelum tahun 2000 adalah sangat rendah, dengan kebanyakan tahun sebelum itu mencatatkan tiada atau hanya satu penerbitan sahaja. Penerbitan pertama yang mula muncul direkodkan pada tahun 1864 dan 1881 dengan masing-masing hanya satu penerbitan sahaja. Hal ini menandakan bahawa permulaan yang sangat perlahan bagi kajian berkenaan bahasa Melayu. Data ini mencerminkan perkembangan bidang kajian ini berkembang secara perlahan-lahan pada peringkat awal dan kemudian mencapai lonjakan peningkatan yang signifikan selepas tahun 2000. Fenomena ini mungkin boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor, termasuk peningkatan kesedaran tentang kepentingan kajian ini, pengembangan akses kepada platform penyelidikan seperti pangkalan data akademik serta peningkatan bilangan penyelidik dan institusi yang tertumpu kepada bidang ini.

Selain itu, terdapat beberapa tahun yang tidak mencatatkan sebarang penerbitan langsung, iaitu pada tahun 1942, 1941, 1940 dan beberapa tahun lain di sekitar era 1900-an hingga 1950-an. Tahun-tahun ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor luar seperti perang dunia, ketidakpastian politik atau kekurangan infrastruktur akademik yang menghalang perkembangan penyelidikan pada waktu tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan kajian lain yang lebih terperinci dan berfakta bagi mengetahui faktor-faktor tersebut berlaku.

Bagi tahun-tahun yang hanya mencatatkan satu atau dua penerbitan seperti tahun 1881, 2005 dan beberapa tahun lain mencerminkan tempoh kajian bahasa Melayu masih belum mendapat perhatian yang meluas. Walaupun begitu, data ini menunjukkan bahawa bidang kajian ini secara keseluruhannya berkembang secara konsisten sejak abad ke-21 dengan peningkatan bilangan penerbitan yang semakin jelas. Berikut adalah jadual lebih ringkas yang menunjukkan bilangan penerbitan mengikut tempoh tahun:

Jadual 1: Bilangan Penerbitan Mengikut Tempoh Tahun


Tempoh	Bilangan Penerbitan
1900-1949	8
1950-1999	4
2000-2009	34
2010-2019	185
2020-2024	130

Berdasarkan Jadual 1, penerbitan dalam kajian bahasa Melayu menunjukkan perkembangan yang signifikan mengikut tempoh masa. Pada tempoh 1900-1949, terdapat beberapa tahun yang tiada penerbitan dengan penerbitan pertama yang direkodkan adalah pada tahun 1864 dan 1881. Sementara itu, 1950-1999 mencatatkan penerbitan yang sangat rendah dengan hanya 4 penerbitan sepanjang 50 tahun. Mulai 2000-2009, terdapat peningkatan ketara dengan 34 penerbitan yang secara tidak langsung mencerminkan perkembangan yang positif dalam bidang kajian ini. Peningkatan paling signifikan berlaku pada 2010-2019 dalam tempoh 9 tahun dengan jumlah penerbitan 185. Penerbitan dianggap terus meningkat dalam tempoh 5 tahun sahaja daripada tahun 2020-2024 dengan 130 penerbitan yang menunjukkan pertumbuhan yang berterusan dalam bidang kajian bahasa Melayu ini.

Hasil penelitian seterusnya menumpukan kepada analisis jumlah penerbitan yang menyumbang kepada perkembangan kajian bahasa Melayu serta mengenal pasti penyelidik yang paling aktif dalam bidang ini. Dapatan kajian ini dibentangkan selaras dengan persoalan kajian kedua yang dirumuskan seperti berikut, iaitu:

Penyelidik Utama dan Jumlah Penerbitan yang Menyumbang kepada Kajian Bahasa Melayu

Rajah 2: Penyelidik dan Jumlah Penghasilan Kajian yang Tertinggi



Jadual 2: Penyelidik dan Bilangan Penerbitan

Penyelidik	Dokumen (Penerbitan)
Kueh, Y.C.	12
Kuan, G.	10
Jamil, N.	8
Seong, G.S.	7
Mahamod, Z.	6


Rajah 2 dan Jadual 2 menunjukkan bilangan dokumen yang diterbitkan oleh beberapa penulis. Penulis Kueh, Y.C. mencatatkan jumlah penerbitan tertinggi dengan 12 dokumen, diikuti oleh Kuan, G. yang mempunyai 10 penerbitan. Jamil, N. pula berada di tempat ketiga dengan 8 penerbitan, manakala Seong, G.S. dan Mahamod, Z. masing-masing mempunyai 7 dan 6 penerbitan. Jadual ini memberikan gambaran tentang penglibatan aktif penulis-penulis dalam penyelidikan dengan menunjukkan bahawa Kueh, Y.C. sebagai penyumbang tertinggi dalam penghasilan penerbitan ini.

Hasil penelitian selanjutnya memberi tumpuan kepada pengenalanpastian tema utama yang paling dominan dalam penyelidikan berkaitan bahasa Melayu. Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti arah tumpuan penyelidik serta bidang yang paling kerap dikaji dalam korpus penyelidikan bahasa Melayu. Dapatan ini dibentangkan selaras dengan persoalan kajian ketiga yang dirumuskan seperti berikut:

Tema Utama yang Paling Dominan dalam Kajian Terhadap Bahasa Melayu

Rajah 3: Keseluruhan Jenis Bidang Kajian yang Terlibat dalam Penerbitan Kajian Tentang Bahasa Melayu

Documents by subject area




Jadual 3: Lima Bidang Tertinggi dalam Penerbitan Kajian Tentang Bahasa Melayu

Bidang Kajian	Dokumen (Penerbitan)
<i>Social Sciences</i> (Sains Sosial)	185
<i>Arts and Humanities</i> (Seni dan Kemanusiaan)	119
<i>Computer Science</i> (Sains Komputer)	77
<i>Engineering</i> (Kejuruteraan)	54
<i>Medicine</i> (Perubatan)	52

Berdasarkan Rajah 3 dan Jadual 3, bilangan dokumen yang diterbitkan mengikut bidang subjek menunjukkan bahawa *Social Sciences* (Sains Sosial) mencatatkan bilangan tertinggi dengan 185 dokumen. Hal ini menunjukkan bahawa bidang sains sosial merupakan bidang yang paling aktif dalam kajian yang berkaitan dengan bahasa Melayu. *Arts and Humanities* (Seni dan Kemanusiaan) pula berada di tempat kedua dengan 119 dokumen. Seterusnya, *Computer Science* (Sains Komputer) adalah 77 penerbitan dokumen. Terakhir tertinggi adalah *Engineering* (Kejuruteraan) dan *Medicine* (Perubatan) masing-masing mempunyai 54 dan 52 dokumen yang menandakan penglibatan dalam bidang-bidang teknikal dan saintifik meskipun jumlahnya lebih rendah berbanding dengan bidang lain.

Keseluruhan hasil kajian mendapati terdapat 25 bidang yang terkait dengan kajian bahasa Melayu yang secara tidak langsung menunjukkan kepelbagaian topik dan disiplin dalam penyelidikan ini. Berdasarkan Jadual 3, pengkaji hanya memilih lima bidang yang tertinggi sahaja sebagai catatan dalam jadual tersebut. Ini memberikan tumpuan kepada bidang yang paling dominan dalam kajian bahasa Melayu iaitu Sains Sosial, Seni dan Kemanusiaan, Sains Komputer, Kejuruteraan dan Perubatan. Kesemua bidang yang telah dinyatakan mempunyai tema kajian yang sama iaitu kajian berkaitan bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan melalui analisis perisian VosViewer seperti rajah berikut:

Rajah 4: Pemetaan perkataan kunci pengarang dalam kajian bahasa Melayu menggunakan analisis *co-occurrence*




Rajah 4 menunjukkan hasil analisis *co-occurrence* yang dijalankan menggunakan perisian VOSviewer dengan unit analisis *author keywords*. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan antara kata kunci yang digunakan oleh penulis dalam kajian mereka. Nod yang lebih besar dalam visualisasi ini menunjukkan kata kunci yang kerap digunakan iaitu "*Malay language*".

Kata kunci lain yang berkaitan dikelompokkan dalam *cluster* dengan warna yang berbeza bagi menunjukkan tema atau subjek adalah saling berhubung. Contohnya, *cluster* hijau mewakili kajian berkaitan linguistik dan sintaksis, manakala *cluster* merah menunjukkan penyelidikan yang lebih berkaitan dengan konteks budaya atau sosial. Garis penghubung antara nod menggambarkan hubungan antara kata kunci, manakala jarak antara nod menunjukkan tahap perkaitan antara kata kunci tersebut. Analisis ini memberikan gambaran yang komprehensif tentang tumpuan kajian dan kerjasama tema dalam bidang ini. Secara tidak langsung, analisis ini dapat membantu mengenal pasti pola penyelidikan, tema dominan dan potensi bidang kajian yang boleh diterokai dengan lebih mendalam pada masa hadapan.

Hasil penelitian seterusnya memberi fokus kepada pengenalanpastian institusi yang paling aktif dan banyak menyumbang dalam penghasilan penyelidikan berkaitan bahasa Melayu. Analisis ini dijalankan bagi menilai tahap keterlibatan institusi akademik dalam memajukan kajian bahasa Melayu serta mengenal pasti institusi yang memainkan peranan utama dalam bidang ini. Dapatan ini dibentangkan selaras dengan persoalan kajian keempat yang dirumuskan seperti berikut:

Institusi Paling Aktif dan Banyak Menyumbang dalam Penghasilan Penyelidikan Mengenai Bahasa Melayu

Rajah 5: Institusi Tertinggi dalam Penghasilan Penerbitan



Jadual 4: Institusi Tertinggi dalam Penghasilan Penerbitan

Institusi	Dokumen
Universiti Kebangsaan Malaysia	61
Universiti Sains Malaysia	40
Universiti Malaya	37
Universiti Putra Malaysia	30
Universiti Sains Malaysia	22


Berdasarkan Rajah 5 dan Jadual 4, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan institusi yang paling banyak menyumbang kepada penerbitan kajian berkaitan bahasa Melayu, dengan jumlah sebanyak 61 dokumen. Dapatan ini menunjukkan peranan dominan UKM sebagai peneraju utama dalam penyelidikan akademik mengenai bahasa Melayu. Universiti Sains Malaysia (USM) berada di tempat kedua dengan 40 dokumen, dan diikuti oleh Universiti Malaya (UM) yang menyumbang sebanyak 37 dokumen.

Sementara itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) menyumbang sebanyak 30 dokumen, menjadikannya institusi keempat paling aktif dalam bidang ini. Universiti Sains Malaysia turut menunjukkan penglibatan dengan menyumbang sebanyak 22 dokumen yang menonjolkan penglibatannya dalam kajian bahasa Melayu dalam konteks perubatan. Data ini menggambarkan penglibatan aktif institusi pengajian tinggi utama di Malaysia dalam memperkayakan kajian bahasa Melayu melalui pelbagai perspektif dan disiplin.

Hasil penelitian terakhir menumpukan kepada analisis pola kerjasama antara negara dalam penghasilan penyelidikan berkaitan bahasa Melayu. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keterlibatan dan jaringan kolaborasi antarabangsa antara penyelidik dari pelbagai negara yang terlibat dalam bidang ini. Dapatan yang diperoleh dibincangkan selaras dengan persoalan kajian kelima yang dinyatakan seperti berikut:

Pola Kerjasama Antara Negara dalam Penghasilan Penyelidikan Mengenai Bahasa Melayu

Rajah 6: Visualisasi Pola Kerjasama Antarabangsa dalam Penyelidikan Bahasa Melayu Berdasarkan Co-Authorship



Berdasarkan Rajah 6, ini merupakan pola kerjasama antara negara dalam penghasilan penyelidikan mengenai bahasa Melayu yang secara tidak langsung menunjukkan bahawa Malaysia adalah pusat utama jaringan tersebut. Hal ini dibuktikan melalui saiz bulatan yang dominan yang menggambarkan penglibatan tertinggi daripada negara Malaysia dalam penyelidikan. Negara-negara lain seperti United Kingdom, Singapura, Australia dan Indonesia menunjukkan hubungan kerjasama yang signifikan dengan Malaysia seperti mana yang dapat dilihat melalui garis penghubung yang jelas. Selain itu, negara-negara seperti Thailand, Bangladesh dan New Zealand turut menyumbang kepada jaringan kerjasama, walaupun penglibatan mereka lebih kecil seperti yang ditunjukkan melalui garis yang lebih halus.

Kajian ini menggunakan perisian VOSviewer yang membolehkan analisis dilakukan berdasarkan *co-authorship*. Hal ini bermaksud kerjasama ini diukur melalui bilangan karya penyelidikan yang ditulis bersama oleh penyelidik dari pelbagai negara. Unit analisis yang digunakan adalah negara seperti yang digambarkan dalam jaringan tersebut. Warna dan saiz bulatan dalam grafik menunjukkan kepentingan relatif setiap negara dalam jaringan, iaitu Malaysia (bulatan merah besar) jelas menjadi tumpuan utama dalam penyelidikan kerjasama ini. Negara-negara lain seperti Iraq, Oman dan Ireland menunjukkan penglibatan yang kecil, tetapi tetap relevan dalam konteks kerjasama global. Jadual di bawah ini pula menunjukkan pola kerjasama antara negara dalam penghasilan penyelidikan berkaitan bahasa Melayu berdasarkan data yang diperoleh daripada pangkalan Scopus:

Jadual 5: Pola Kerjasama Antarabangsa dalam Penyelidikan Bahasa Melayu Berdasarkan Dokumen dan Kekuatan Hubungan

Negara	Dokumen	Kekuatan Hubungan Keseluruhan
Malaysia	279	51
United Kingdom	13	13
Australia	14	9
Singapura	12	8
Amerika Syarikat	4	6
Bangladesh, Korea Selatan	3	5
China, Indonesia	4	5
Taiwan	1	3
Kanada, New Zealand	2	2
Barbados, Ireland, Turki	1	2
Iran, Iraq, Jamahiriya Arab Libya, Nigeria, Oman, Sepanyol, Thailand	1	1
Brunei Darussalam	5	0
Jerman, Itali, Jordan, Filipina, Persekutuan Rusia	1	0
Jepun	2	0

Jadual 5 merupakan data tambahan yang memberikan maklumat jumlah dokumen dan kekuatan hubungan keseluruhan dari pelbagai negara. Kekuatan hubungan keseluruhan merujuk kepada tahap intensiti kerjasama antara negara dalam penghasilan penyelidikan. Nilai ini mencerminkan jumlah dan kualiti kolaborasi (*co-authorship*) berdasarkan bilangan dokumen yang dihasilkan bersama oleh penyelidik dari negara-negara tertentu.

Berdasarkan jadual tersebut, Malaysia muncul sebagai peneraju utama dengan jumlah dokumen sebanyak 279 dan kekuatan hubungan keseluruhan 51. Hal ini menunjukkan dominasi Malaysia dalam penyelidikan mengenai bahasa Melayu serta keupayaannya dalam membina jaringan kerjasama dengan pelbagai negara. Negara kedua dengan kekuatan hubungan terbesar ialah United Kingdom yang memiliki sebanyak 13 dokumen dan kekuatan hubungan adalah 13, diikuti oleh Australia dengan 14 dokumen dan kekuatan hubungan sembilan. Singapura dan Amerika Syarikat juga merupakan rakan kerjasama dalam penghasilan penyelidikan, masing-masing mencatat kekuatan hubungan sebanyak lapan dan enam.

Selain itu, negara-negara seperti Bangladesh, China, Indonesia dan Korea Selatan menunjukkan kekuatan hubungan yang sederhana, iaitu masing-masing mempunyai jumlah sebanyak 5 kekuatan hubungan. Walaupun bilangan dokumen mereka lebih kecil berbanding Malaysia, namun hubungan yang wujud menunjukkan sumbangan mereka terhadap penyelidikan kajian bahasa Melayu. Negara-negara seperti Taiwan, Kanada, Barbados, Ireland, dan New Zealand pula mencatat kekuatan hubungan yang lebih kecil, iaitu antara dua hingga tiga yang mencerminkan tahap kerjasama yang lebih rendah, tetapi tetap menggambarkan wujudnya jaringan penyelidikan itu berlaku.

Di hujung spektrum, terdapat negara-negara seperti Iran, Iraq, Libya, Nigeria, Oman dan Thailand yang mencatat kekuatan hubungan hanya satu yang menunjukkan penglibatan yang sangat minimum dalam penyelidikan ini. Beberapa negara seperti Brunei Darussalam, Jerman, Itali, Jepun, dan Rusia mencatatkan bilangan dokumen, tetapi tidak mempunyai kekuatan hubungan yang menunjukkan bahawa penyelidikan mereka tidak melibatkan kerjasama dengan negara lain dalam jaringan ini.

Kesimpulan

Kajian ini merupakan pendekatan bibliometrik dalam memahami perkembangan penyelidikan berkaitan bahasa Melayu. Melalui analisis data yang diperoleh daripada pangkalan Scopus dan perisian VOSviewer, beberapa dapatan utama telah dikenal pasti. Pertama, *trend* penerbitan menunjukkan perkembangan penerbitan yang baik sejak tahun 2000 dengan lonjakan signifikan pada dekad terakhir, iaitu tahun 2019 mencatatkan jumlah penerbitan tertinggi sebanyak 185 penerbitan kajian. Hal ini mencerminkan peningkatan minat terhadap kajian bahasa Melayu dengan penerbitan selepas tahun 2000 meningkat sejajar dengan kemajuan teknologi dan kesedaran global. Seterusnya, penyelidik utama Kueh, Y.C., dan Kuan, G. pula memainkan peranan penting sebagai penyumbang aktif dalam bidang kajian ini. Sumbangan mereka melalui jumlah dokumen yang diterbitkan menunjukkan penglibatan yang signifikan dalam memajukan penyelidikan berkaitan bahasa Melayu. Selain itu, tema kajian diperolehi adalah didominasi oleh bidang Sains Sosial, Seni dan Kemanusiaan serta Sains Komputer dengan fokus utama terhadap linguistik, budaya, dan aplikasi teknologi dalam kajian bahasa. Analisis *co-occurrence* menggunakan VOSviewer turut membantu memetakan hubungan antara tema-tema ini, membuka ruang untuk penyelidikan dalam bidang yang kurang diterokai. Dari sudut institusi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) muncul sebagai peneraju utama dengan jumlah penerbitan tertinggi, diikuti oleh Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaya (UM). Peranan institusi-institusi ini menunjukkan komitmen akademik yang baik dalam kajian tentang bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada identiti kebangsaan dan kajian akademik. Di samping itu, kerjasama antarabangsa juga menjadi elemen penting, iaitu negara Malaysia telah menjadi pusat utama penyelidikan dan jalinan hubungan antara negara-negara seperti United Kingdom, Singapura, dan Australia. Hal ini menunjukkan pengiktirafan global terhadap kepentingan kajian bahasa Melayu dan potensi penglibatan rentas negara yang lebih meluas. Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan pendekatan bibliometrik adalah alat yang berkesan untuk mengenal pasti pola, jurang, dan peluang dalam penyelidikan bahasa Melayu. Penemuan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang perkembangan bidang ini dan pemangkin kepada usaha berterusan dalam meningkatkan kolaborasi global, menekankan tema yang relevan dengan cabaran masa kini serta meneroka lebih banyak perspektif disiplin dalam kajian bahasa Melayu.

Rujukan

- Abdul Wahab, M. K. (2024). Sejarah perkembangan bahasa Melayu berdasarkan skema bercabang bahasa Melayu Asmah (1993): Satu pemerian semula. *Asian People Journal (APJ)*, 7(2), 33–45. <https://doi.org/10.37231/apj.2024.7.2.531>
- Cobo, M. J., López-Herrera, A. G., Herrera-Viedma, E., & Herrera, F. (2011). Science mapping software tools: Review, analysis, and cooperative study among tools. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 62(7), 1382–1402. <https://doi.org/10.1002/asi.21525>
- Graf, A. (2021). Pengajian Malaysia dan penerimaan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa dalam era “Wawasan Global.” *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 1–10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.fa.1.2021>
- Handayani, D., Awang Abu Bakar, N. S., Yaacob, H., & Abuzaraida, M. A. (2018). Sentiment analysis for Malay language: Systematic literature review. *2018 International Conference on Information and Communication Technology for the Muslim World (ICT4M)*, 305–310. <https://doi.org/10.1109/ICT4M.2018.00063>

- Hassan, H. (2023). Kajian linguistik bahasa Melayu bersumberkan korpus. Kekuatan dan kelemahannya. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 14(1), 23–34. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.fa.2.2023>
- Jamain, N., Mansur, A., & Haron, R. (2023). Penguasaan bahasa Melayu pelajar asing di Universiti Malaya: Analisis faktor jantina dan tahap pengajian. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(2), 47–64. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol34no2.4>
- Janan, D., Tarmizi, M. H. M., Setyosari, P., Jamaluddin, N., Bakar, S. S. A., & Ying, L. C. (2024). Model of teaching Malay language to non-native and foreign speaker. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 21(1), 1–38. <https://doi.org/10.32890/mjli2024.21.1.1>
- Johari, A., Latif, L. A., Idzuan, S., Wahab, B., & Rahman, A. (2014). *Erros analysis of Malay compound sentences of foreign language learners*. 20, 118–121. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.20.lcl.218>
- Lan, T., & Logeswaran, R. (2020). Challenges and development in Malay natural language processing. *Journal of Critical Reviews*, 7(03), 61–65. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.03.10>
- Mohd Hussain, M. H., Mustapha, R., Ayub, M. N., Roslan, M. N. H., & Anuar, K. F. (2024). Global contributions to Islamic Turāth Book: A bibliometric analysis. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(2), 39–54. <https://doi.org/10.24191/jcis.v10i2.7>
- Mukminin Mohamad, A., Ayup, S., Mohamad Hamid, N., & Mohaidin, Z. (2023). Bahasa kebangsaan dalam situasi komunikasi harian: Kajian tinjauan terhadap pelajar Melayu di universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(2), 81–101. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol34no2.6>
- Osman, Z., & Yusoff, N. (2020). Pola dan potensi penerbitan berbahasa Melayu dalam indeks Scopus. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 85–96. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.7.2020>
- Perianes-Rodriguez, A., Waltman, L., & van Eck, N. J. (2016). Constructing bibliometric networks: A comparison between full and fractional counting. *Journal of Informetrics*, 10(4), 1178–1195. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.joi.2016.10.006>
- Pritchard, A. (1969). Statistical bibliography or bibliometrics? *Journal of Documentation*, 25, 348–349.
- Sew, J. W. (2013). Ke arah penilaian, perkembangan dan pemupukan bahasa Melayu supranasional. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 31(2), 87–104.
- van Eck, N. J., & Waltman, L. (2010). Software survey: VOSviewer, a computer program for bibliometric mapping. *Scientometrics*, 84(2), 523–538. <https://doi.org/10.1007/s11192-009-0146-3>
- van Eck, N. J., & Waltman, L. (2017). Citation-based clustering of publications using CitNetExplorer and VOSviewer. *Scientometrics*, 111(2), 1053–1070. <https://doi.org/10.1007/s11192-017-2300-7>
- Yaqin, L. N., Badriyah Yusof, & Ashrol Rahimy Damit. (2024). “Status Quo” of Malay linguistics studies: A bibliometric analysis. *Journal of Language and Literature Studies*, 4(2), 296–312. <https://doi.org/10.36312/jolls.v4i2.1854>